

Soalan No: 21

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]****TARIKH : 9.11.2017****SOALAN :**

Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tentang status bangunan tidak selamat di SMK Semerah, Batu Pahat sehingga menyebabkan bangunan tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya untuk keperluan pengajaran dan pembelajaran warga sekolah berkenaan dan apakah program penggantian sekolah daif ini masih diteruskan pihak Kementerian dalam menyelesaikan isu bangunan tidak selamat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 13 September 2017, pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat telah mengadakan lawatan pemantauan status selamat bangunan JKR935 SMK Semerah Batu Pahat. Hasil lawatan tersebut mendapati bangunan sekolah didapati usang dan tidak ekonomik untuk dibaiki dan disyorkan dirobohkan. Projek pembinaan gantian bangunan tersebut dicadangkan dimasukkan dalam senarai keutamaan dalam Projek Sekolah Daif tahun 2018 dengan gantian 6 bilik darjah menggunakan kaedah pembinaan IBS.

39

KPM akan menubuhkan satu Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih Kerajaan yang turut dianggotai oleh JKR. Jawatankuasa itu bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan, penyediaan laporan teknikal dan sijil pelupusan bagi kes sekolah tersebut. Seterusnya, KPM akan mengangkat permohonan gantian penuh dalam RP4 RMKe-11 untuk kelulusan agensi pusat. KPM juga melihat kemungkinan dan kesesuaian membekalkan kabin sebagai bilik kelas sementara atau langkah-langkah lain yang lebih sesuai bagi memastikan keselamatan dan kebajikan murid. Langkah jangka panjang untuk pembinaan bangunan gantian akan dilaksanakan setelah mendapat kelulusan agensi pusat dan mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi.

RJM44

SOALAN (22)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

SOALAN :-

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa kaum minoriti India di Malaysia telah dipinggirkan dalam pembangunan negara di negara Malaysia dan bilakah perkara sebegini akan berakhir.

41

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kaum minoriti yang dimaksudkan tidaklah dipinggirkan malahan setiap rakyat Malaysia diberi semua hak sama seperti yang termaktub di bawah perlembagaan Malaysia. Walau bagaimanapun, demi memastikan kaum minoriti tersebut diberi peluang maka YAB Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Tindakan Masyarakat India (MIB) pada April lalu.

MIB telah menetapkan sasaran-sasaran yang komprehensif untuk memastikan pembangunan sosioekonomi masyarakat India secara holistic termasuk

- I. Mendaftarkan isi rumah kaum India dalam program eKasih;
- II. Pembinaan lebih banyak rumah mampu milik untuk kaum India;
- III. Memperkasakan program keusahawanan untuk kaum India;
- IV. Penyediaan lebih banyak peluang pekerjaan untuk masyarakat India;
- V. Meningkatkan bilangan pelajar India di Universiti Awam;
- VI. Memenuhi keperluan asas;

- VII. Merealisasikan potensi setiap kanak-kanak;
- VIII. Menambahbaik kehidupan dan kekayaan; dan
- IX. Meningkatkan penyertaan sosial

Sebanyak 34 KPI telah ditetapkan untuk dicapai dalam masa 10 tahun di bawah MIB dan SEDIC telah menetapkan 9 KPI untuk dicapai pada tahun 2017/2018. Di antara 9 KPI tersebut adalah melancarkan Saham Ekuiti PNB sebanyak RM500juta, mencapai sekurang-kurangnya 7% penjawat awam India, mencapai kemasukan IPTA sekurang-kurangnya 7%, memastikan kumpulan B40 masyarakat India berdaftar di bawah skim-skim bantuan kerajaan seperti E-Kasih dan program-program peningkatan kapasti masyarakat India. Demi melaksanakan program-program yang dimaksudkan, SEDIC telah distruktur semula dan diperkasa dengan penambahan perjawatan dan sumber-sumber yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

9 November 2017